

Analisis

Zon Bebas Pelabuhan Klang ada kekuatan sendiri

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

PELABUHAN KLANG 24 Jun – Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), yang diuruskan oleh Jafza International, pengendali Kawasan Zon Bebas Jebel Ali (JAFZA) di Dubai mempunyai kekuatan sendiri, sungguhpun ia tidak mampu menyaingi kehebatan JAFZA yang kini merupakan kawasan perdagangan terkenal di dunia.

Pengerusi PKFZ, Datin O.C Phang berkata, PKFZ memiliki keunikan dan keistimewaan tersendiri yang mampu menarik pelaburan asing (FDI) ke kawasan itu pada masa depan.

Menurutnya, PKFZ terletak di lokasi yang strategik, berhampiran Westport dan Northport pelabuhan yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan bertaraf dunia, serta mempunyai rangkaian dengan 500 pelabuhan di 120 buah negara.

"PKFZ juga terletak dekat dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan dilengkapi jaringan jalan raya serta landasan kereta api.

"Berbanding JAFZA, kawasan bebas itu dibina terlebih dahulu, sebelum jaringan pengangkutan dan kemudahan lain dibangunkan secara berperingkat-peringkat termasuk lapangan terbang Dubai.

"Walaupun kedudukan PKFZ dan JAFZA tidak sama dari segi fizikal, namun saya yakin PKFZ mampu mencipta kejayaan sen-

diri," katanya dalam satu pertemuan dengan *Utusan Malaysia*, di sini.

PKFZ adalah pelaburan kedua terbesar negara dalam sektor pelabuhan menasarkan penyertaan sektor pembuatan seperti pemrosesan; logistik termasuk pengalihan, penstoran dan hab perdagangan.

Industri lain yang menjadi sasaran ialah sektor nilai tambah iaitu pemasangan, pelaburan dan pembungkusan; perdagangan, perkhidmatan komersial dan pusat perkhidmatan.

Phang tidak menafikan terdapat 'cakap-cakap' yang mendakwa PKFZ yang menelan kos kira-kira RML3 bilion itu adalah projek gagal.

"Saya tidak ingin melayan semua khabar angin itu kerana pihak yang membuat tohmahan terhadap PKFZ, sebenarnya tidak mengetahui apa-apa mengenai projek tersebut.

"PKFZ adalah umpama bayi saya, sudah tentu saya akan pastikan ia berjaya, sekaligus menutup mulut pihak-pihak yang mengkritik projek strategik kerajaan ini," tegasnya.

Menurut Phang, PKFZ yang beroperasi sejak lapan bulan lalu telah berjaya membawa pelaburan asing lebih M500 juta.

Setakat ini, sebanyak enam syarikat telah menduduki lot-lot tanah di situ dengan pelaburan berjumlah RM465 juta, manakala pelaburan dalam gudang industri kecil pula ialah sebanyak RM2.8 juta dan sewaan bangunan komersial pula melebihi

RM500,000.

Jumlah itu, katanya tidak termasuk kontrak yang disenarai pendek oleh PKFZ, yang bernilai RM85 juta.

Tambahnya, projek pembinaan keseluruhan PKFZ dijangka selesai akhir tahun ini, selepas sebuah hotel, dewan pameran dan laluan keluar masuk, siap sepenuhnya.

Jelas beliau, kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) di PKFZ adalah bukti pihaknya telah melaksanakan promosi pasaran seperti yang dirancang sebelum ini bersama Jafza International.

Menurut Phang, kerajaan Malaysia tidak pernah berhasrat untuk menyaingi JAFZA sejak awal ia ditubuhkan, tetapi mahu saling membantu antara satu sama lain.

"Malahan, PKFZ dibangunkan dengan menjadikan kejayaan JAFZA sebagai penanda aras," katanya.

Phang tidak menolak kritikan yang dilemparkan terhadap PKFZ itu adalah berikutan perletakan jawatan Pengurus Besar-nya, Noel Gulliver, baru-baru ini.

Beliau juga menjelaskan peletakan jawatan bekas pengurus besar PKFZ itu tidak ada kena mengena dengan konflik dalaman, seperti yang didakwa oleh banyak pihak.

Katanya, Gulliver adalah kakitangan JAFZA International dan beliau 'dipanggil balik' oleh majikannya kerana Jafza International berhasrat meluaskan operasinya di Afrika.

Phang berkata, pihak berkuasa PKFZ yakin pengganti Gulliver di kalangan rakyat

tempatan mampu membawa kejayaan kepada projek negara itu.

Phang berkata, Malaysia telah membuktikan rakyatnya mampu mengendalikan aset-aset strategik seperti lapangan terbang dan pelabuhan.

"Kejayaan PKFZ bukan bergantung kepada individu, sebaliknya pada kekuatan strategik pemasaran, yang diibaratkan sebagai nyawa PKFZ," katanya.

Beliau juga tidak menafikan PKFZ sudah mempunyai pengganti Gulliver dan menjangkakan pengumuman pelantikan jawatan itu akan dibuat pada awal bulan depan.

Bagaimanapun, katanya, JAFZA International masih bertanggungjawab memasarkan PKFZ seperti perjanjian sebelumnya.



O.C PHANG